

KONFLIK SELATAN THAILAND: PERANAN MALAYSIA SEBAGAI NEGARA JIRAN

(Conflict of Southern Thailand: Role of Malaysia as a Neighbour State)

¹ MOHD ROSLAN MOHD NOR

² HAMIDAH JALANI

¹ Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA
(UiTM) Alor Gajah, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

ABSTRAK

Dari tragedi Krisek hingga ke tragedi Tak Bai masyarakat selatan Thai masih lagi dibelenggu dengan permasalahan konflik perkauman. Walaupun tampuk pemerintahan silih berganti namun pertelingkahan di antara pihak kerajaan Bangkok dengan puak pemisah yang cuba untuk mendominasi kuasa autonomi dari pihak kerajaan masih menjadi isu hangat di mata dunia. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji konflik di Selatan Thai yang melibatkan peranan Malaysia dalam menangani isu ini. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Ia turut menggunakan kaedah kajian sejarah untuk memahami latar belakang isu yang berlaku. Hasil kajian ini mendapati bahawa pelbagai usaha dan langkah telah diambil oleh pihak kerajaan Thailand di Bangkok bagi menangani isu tersebut, namun hasilnya kurang memberangsangkan. Pelbagai pertubuhan dan badan-badan kerajaan lain cuba untuk membantu seperti ASEAN, PBB dan OIC. Malah tidak ketinggalan juga Malaysia turut memainkan peranan yang penting dalam menyumbang usaha ke arah perdamaian antara kerajaan Bangkok dengan puak pemisah. Dari saluran berbentuk nasihat, bimbingan hinggalah ke bentuk material, dilihat Malaysia begitu prihatin terhadap negara jirannya yang dilanda kemusnahan. Signifikan penemuan kajian menunjukkan bahawa peranan Malaysia adalah sebagai memenuhi dasar hubungan dua hala dan kepentingannya kepada Malaysia sendiri dalam menjaga keamanan negara.

Kata kunci: Konflik Selatan Thailand; peranan Malaysia; keamanan; kestabilan; hubungan dua hala

ABSTRACT

From tragedy of Krisek to Tak Bai tragedy, South Thai society is still plagued by problems of racial conflict. Despite centuries of rule in succession, but disputes between the government of Bangkok with insurgents who tried to dominate and fight for autonomy from the government is still a burning issue in the world. This article aims to examine the conflict of Southern Thailand which Malaysia involves in overcome the issue. This study is a qualitative study which uses library research method. It also utilises historical method in order to understand the background of the conflict. Results of this study show that various efforts and measures taken by the government of Thailand in Bangkok in responding to the issue, but the results are less encouraging but it has worsened. Various organizations and other governments' agencies trying to help such as ASEAN, the UN and the OIC. In fact, without exception, Malaysia has also played an important role in contributing to the peace efforts between the government of Bangkok with the separatists. Involvement in advice and guidance through to a material form, Malaysia is always concerned about the conflict of affected neighbors. The significant findings show that the role of Malaysia is indeed inline with fulfillment bilateral relations and Malaysia's own interest to keep the peace in the country.

Keywords: *Conflict of Southern Thailand; role of Malaysia; peace; stability; bilateral relation*

PENGENALAN

Kemunculan gerakan pemisah di wilayah Patani bermula hasil daripada kesan penyusunan semula politik pada dekad pertama abad ke-20 apabila wilayah Melayu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada pihak Britain yang akhirnya menjadi sebahagian daripada Malaysia, manakala kawasan yang bersempadan merangkumi wilayah Patani, Narathiwat, Yala dan Satun berada di bawah kawalan kerajaan Siam. Apabila wilayah selatan berada di bawah kerajaan Siam, melalui polisi perluasan tanah jajahan yang diamalkan sejak dinasti Sukhothai dan Ayudha, (Chapakia 2000) pelbagai agenda telah dilaksanakan sama ada bersifat positif dan tidak kurang juga turut meninggalkan kesan negatif yang akhirnya mencetuskan kemarahan dari pihak orang Melayu di selatan Thailand. Pemimpin-pemimpin Melayu tradisional juga yang suatu ketika dahulu berkuasa terhadap wilayah-wilayah di selatan Thai, kini kekuasaan mereka telah dihapuskan setelah kerajaan Siam berjaya menakluki Patani pada tahun 1786 yang kemudiannya diserap ke dalam struktur pentadbiran kerajaan Thai Buddha.

Rentetan daripada perampasan kuasa itu pada tahun 1879, maka bermulalah penentangan awal kepada kerajaan Thai di bawah pimpinan raja-raja Melayu.

Sejak daripada itu, pelbagai penentangan dan pemberontakan berlaku sehinggalah kemuncak kepada penentangan pada tahun 2004, apabila tragedi berdarah di Kresik dan Tak Bai yang mengundang banyak persoalan kepada masyarakat dunia. Pelbagai tafsiran diberikan oleh masyarakat dunia terhadap peristiwa berdarah tersebut. Antaranya Farid Mat Zain dalam kajiannya 'Konflik di Selatan Thai: Antara Cita-cita Agama dan Angka Konfirasi' telah menyimpulkan tiga pendapat umum tentang peristiwa tersebut. Pertama, tragedi Kresik dan Tak Bai dilihat sebagai titik permulaan kepada kebangkitan baru umat Islam Patani yang sebelum ini telah lama menyepikan diri. Kedua, peristiwa tersebut juga dilihat sebagai reaksi yang ditunjukkan bagi membantah dasar pemerintahan Thailand dan ketiga, tidak kurang juga yang mengaitkan tragedi tersebut dengan siri keganasan yang ada hubungan dengan rangkaian keganasan dunia (Zain 2008). Manakala menurut Abdullah Zakaria Ghazali pula, konflik politik yang berlaku dalam tempoh ini dirujuk secara berbeza-beza oleh kerajaan Thailand dan orang Melayu selatan Thai. Kerajaan Thailand menyifatkan gerakan orang Melayu di selatan sebagai gerakan pemisah dan juga sebagai gerakan pengganas. Sebaliknya orang Melayu pula berpendapat bahawa gerakan mereka adalah untuk membebaskan tanah air daripada kerajaan Thailand (Ghazali 2008).

KAJIAN LITERATUR

Perbezaan fahaman, kebudayaan, bahasa dan etnik di antara masyarakat Melayu selatan Thai dengan penduduk bahagian utara Thai telah menimbulkan reaksi kurang menyenangkan di pihak komuniti selatan Thai. Dari awal kemasukan Patani dalam kerajaan Thai pada 1902 telah membawa kepada penentangan Muslim berbentuk permusuhan politik dan agama. Orang kenamaan Melayu dan ahli keluarga diraja mula mempertahankan kedudukan mereka dengan menentang kerajaan Thai (Man 2008a, 2008b). Tambahan pula pada tahun tersebut, kerajaan Siam telah memindah dan menyerapkan undang-undang syariah ke dalam undang-undang sivil yang sekular di bawah Badan Kehakiman Nasional yang bertujuan untuk mengurangkan fungsi dan peranan undang-undang Islam (Cristie 1996). Pencabulan hak asasi melalui peralihan kuasa dan penyerapan undang-undang syariah ini telah menyebabkan masyarakat Melayu di selatan Thai memberontak dan menentang terhadap kepemimpinan pemerintahan Thai yang didasari agama Buddha sebagai agama rasmi.

Ia turut terkait dengan pemerintahan politik, di bawah pimpinan Phya Bahol, Phya Song dan Pridi Banamyong yang merupakan sekumpulan pegawai muda tentera yang berjaya menukar tampuk pemerintahan negara Siam dari pemerintahan beraja mutlak kepada raja berperlembagaan (Mokarapong 1972). Begitu juga beberapa siri rampasan kuasa telah dilakukan bagi merebut kerusi di dalam kerajaan Thai. Sehingga kemuncak pada tahun 1933 apabila pilihan raya pertama telah diadakan

dengan meletakkan Abdullah Lang Puteh sebagai wakil berketurunan Melayu Islam bagi menduduki kerusi Parlimen. Manakala pada tahun 1936, dua orang calon dipilih iaitu Kumuda Abdul Putra dan Tengku Abdul Jalal bagi menduduki kerusi Parlimen mewakili Patani dan Narathiwat. Setahun kemudian, Phya Bahol telah melantik Haji Musthapa sebagai Senator. Keadaan ini menunjukkan perkembangan yang baik ke arah mencapai cita-cita kerajaan autonomi. Ia juga sebagai langkah penyerapan kepimpinan berketurunan Melayu Islam sedikit sebanyak telah memberi harapan baru dari kerajaan pusat untuk mengekalkan kuasa autonomi berhubung isu agama, budaya dan bahasa Melayu serta sekaligus memberikan kemerdekaan kepada kerajaan Patani.

Dari segi reaksi pula, kebanyakan sasaran puak pemisah terdiri dari tentera, polis, sami Budhha yang menjadi guru sekolah termasuk bangunan-bangunan kerajaan seperti kem tentera, balai polis, sekolah, pejabat dan dewan. Kebangkitan dan penentangan puak pemisah pada 1940an mempunyai kaitan dengan ramalan pemerhati politik pada masa itu dengan mempercayai bahawa Thailand akan dihukum oleh pihak British memandangkan mereka telah melanggar perjanjian dengan mencerobohi perjanjian 1909 dan dalam masa yang sama bersubhat dengan Jepun. Maka rundingan di antara wakil British dan kerajaan Thailand telah dimulakan dan kebanyakan komuniti Melayu Islam di selatan Thailand menjangkakan bahawa wilayah-wilayah Melayu di selatan Thailand akan diambil oleh British dan digabungkan dengan Tanah Melayu (Jaafar 2009).

Dalam masa yang sama, bekas wakil rakyat bagi wilayah Narathiwat iaitu Tengku Abdul Jalal telah mengemukakan rayuan kepada kerajaan British atas nasihat Tengku Mahmood Mahyideen agar melepaskan wilayah-wilayah Melayu di selatan Thailand dan digabungkan dengan Negeri-Negeri Melayu Semenanjung. Sehubungan itu, pada 1 Nov 1945 sepucuk surat telah dikirim kepada Setiausaha Negara British melalui Lord Louis Mountbatten. Permohonan surat berkenaan adalah berasaskan kepada 'Pengisytiharan San Francisco' yang menegaskan bahawa 'semua negeri-negeri di bawah penjajahan sepatutnya diberi kebebasan untuk mentadbir sendiri negeri mereka dalam bentuk yang paling sesuai kepada mereka'. Malahan ia telah diakui oleh kerajaan British dalam mengesahkan kebenaran dakwaan komuniti Melayu Islam di wilayah-wilayah selatan Thailand tersebut akibat ditindas (Jaafar 2009).

Walau bagaimanapun menurutnya lagi perjanjian damai pada 1 Januari 1946 di Singapura antara kerajaan British dan Thailand telah menggugurkan persoalan Patani dalam perjanjian tersebut. Keputusan mengejutkan oleh kerajaan British itu telah menyebabkan pimpinan dan komuniti Melayu Islam berasa amat kecewa dan

mengambil keputusan untuk mengemukakan surat rayuan mereka. Seperti yang dijangkakan, rayuan pemimpin komuniti Melayu Islam itu ditolak oleh kerajaan British disebabkan kerajaan British tidak memberi perlindungan kepada orang Melayu di tanah jajahan yang bukan kepunyaan British atas pertimbangan agama. Malahan, tuntutan-tuntutan komuniti Melayu Islam di selatan Thailand juga tidak dilayan kerana pada pandangan British, sejak kerajaan awam mengambil alih kuasa negara itu, tindakan telah diambil secara proaktif oleh pemerintah bagi menyelesaikan masalah-masalah komuniti Melayu Islam (Jaafar 2009).

Setelah menemui kegagalan dalam rayuannya, para alim ulama di selatan Thailand telah melibatkan diri dalam perjuangan secara yang lebih terbuka. Maka tampillah Haji Sulong bin Abdul Kadir, Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Patani dalam menyelesaikan masalah wilayah-wilayah di selatan Thai. Melalui perjuangannya, Haji Sulong telah mengemukakan tujuh tuntutan kepada kerajaan Thailand setelah berbincang dengan ahli-ahli Majlis Agama Islam, ulama dan orang-orang kenamaan seluruh Patani pada 1 April 1947.

Antara tuntutananya, pertama hendaklah dilantik seorang wakil kerajaan Siam yang berkuasa penuh untuk mentadbir keempat-empat wilayah tersebut dan mempunyai kuasa untuk memecat, menggantung atau menggantikan pegawai-pegawai kerajaan. Pegawai-pegawai ini hendaklah terdiri daripada dari belia-belia tempatan dan hendaklah dilantik berdasarkan persetujuan penduduk di wilayah-wilayah tersebut. Di samping itu, orang yang memegang jawatan ini hendaklah dikekalkan jawatannya dengan tidak ditukar ganti. Kedua, 80 peratus daripada pegawai kerajaan yang akan berkhidmat di wilayah-wilayah tersebut mestilah beragama Islam. Ketiga, bahasa Melayu dan bahasa Siam hendaklah dijadikan bahasa rasmi dan digunakan di pejabat kerajaan serta membenarkan pegawai-pegawai Melayu mengenakan pakaian kebangsaan. Keempat, bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah. Kelima, Undang-undang Islam hendaklah diiktiraf dan dikuatkuasakan di mahkamah syariah terutama dalam urusan perkahwinan dan harta pusaka. Keenam, kesemua hasil dan pendapatan yang diperoleh daripada keempat-empat buah wilayah itu hendaklah digunakan di wilayah yang berkenaan. Ketujuh, pembentukan sebuah badan yang berkuasa penuh untuk mengurus hal ehwal orang Islam yang berada di bawah tanggungjawab Ketua Negeri (Chapakia 2000; Thompsons & Aldoff 1970). Manakala terdapat beberapa tuntutan tambahan seperti menjadikan hari Jumaat sebagai cuti rasmi pejabat-pejabat kerajaan, mengadakan siaran radio dalam bahasa Melayu dan menuntut pegawai kerajaan agar tidak lagi menggunakan kalimah *khaek* (pendatang) terhadap orang Melayu dan memperbaharui sistem pembelajaran sedia ada di samping menubuhkan kolej Islam di Bangkok.

Tuntutan-tuntutan tersebut dikemukakan bagi menjaga kepentingan komuniti Melayu Islam di selatan Thai. Namun lain pula di pihak kerajaan Thailand yang kelihatan tidak mahu mempertimbangkan tuntutan yang dikemukakan oleh mereka. Ini kerana kerajaan pusat berpendapat bentuk pemerintahan yang ada sekarang ini sudah sesuai, dan sekiranya tuntutan tersebut dipenuhi, kerajaan pusat akan kehilangan kuasa ke atas wilayah-wilayah tersebut. Ini akan memberikan kelebihan kepada wilayah selatan dan sekaligus memerdekakan wilayah selatan daripada pemerintahan kerajaan Thailand. Sungguh pun begitu, pihak Kabinet Menteri telah menggariskan beberapa polisi baru dalam menghadapi perkembangan masyarakat Islam di wilayah tersebut. Polisi baru yang digariskan itu mengandungi enam bidang asas iaitu Politik Pemerintahan, Pembangunan Ekonomi, Agama dan Budaya, Mahkamah Keadilan, Pendidikan dan Media (Chapakia 2000). Namun polisi baru yang ditawarkan oleh kerajaan pusat itu mendapat reaksi kurang menyenangkan bagi wilayah selatan. Mereka dengan tegas terus mendesak agar tuntutan mereka segera dipenuhi. Dalam hal ini, Haji Sulong sendiri meneruskan peranannya menekan kerajaan sehingga beliau sendiri ditawan yang akhirnya menyebabkan komuniti Melayu Islam terpaksa bertindak balas agar tuntutan mereka dipenuhi.

METODOLOGI

Makalah ini mengkaji peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Malaysia dalam membantu menyelesaikan konflik di Selatan Thai. Konflik ini telah berlaku sejak sekian lama dan belum ada tanda-tanda ia akan selesai dalam masa yang terdekat. Konflik ini melibatkan umat Islam secara langsung kerana majoriti penduduk Selatan Thai adalah daripada kalangan Muslim. Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan berjiran pula dengan Thailand pastinya tidak boleh untuk berdiam diri ketika konflik ini berlaku. Peranan yang dimainkan kerajaan Malaysia sedikit sebanyak boleh mengendurkan konflik yang berlaku di mana ia boleh juga memberi kesan kepada hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand.

Kaedah ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan metode kajian kepustakaan. Dalam menjalankan kajian ini, penulis mengumpulkan data-data yang ada dengan menggunakan kaedah kajian sejarah. Ini bagi membolehkan pengkaji memahami latarbelakang masalah kepada konflik ini serta dapat membuat pemetaan untuk menentukan kajian yang dijalankan. Data-data daripada penulisan buku-buku, artikel dan sebagainya dihimpunkan dan dibuat analisis serta dibentangkan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Reaksi Pemberontakan

Rentetan daripada penolakan itu, berlakulah pemberontakan sebagai permulaan mengangkat senjata yang dipercayai berlaku di Kampung Dusun Nyior yang terletak di daerah Range, Narathiwat pada 26 April 1948. Perang Dusun Nyior ini atau dikenali oleh pihak kerajaan sebagai *Kabod Dusun Nyior* (pemberontakan Dusun Nyior) berlaku sejurus selepas 17 hari pelantikan semula Panglima Agong Phibun Songgram sebagai Perdana Menteri Siam bagi menggantikan Khuang Aphaiwong (Chapakia 2000). Tarikh 26 April 1948 merupakan tarikh yang tidak akan dilupakan oleh umat Islam Patani. Pada tarikh tersebut, kira-kira 400 hingga 600 orang telah menjadi korban keganasan pasukan tentera Thailand. Namun begitu, sumber kerajaan Thailand pula mendakwa hanya 30 hingga 100 orang sahaja yang terkorban. Serangan ganas pasukan Thailand ke atas orang-orang Melayu tanpa sebarang senjata itu berlaku berikutan tercetusnya perhimpunan untuk menentang kerajaan Siam. Penentangan itu muncul kerana bantahan mereka kepada kerajaan pusat telah ditolak. Bantahan tersebut meliputi hal-hal penganiayaan oleh pegawai-pegawai kerajaan Thai yang tidak berpengalaman, dasar pendidikan yang hanya mengajarkan bahasa Siam dan corak pemerintahan menerusi kuasa tentera dan polis secara fasis. Selain tragedi ini, tragedi berdarah juga telah berlaku lebih awal pada tahun 1923 di Belukar Semak, sebuah kampung yang terletak di daerah Rakak sebagai tindak balas terhadap tindakan kerajaan Siam yang mahu mengintegrasikan masyarakat Melayu melalui proses pendidikan (Mahmud 1999).

Pada 13 Ogos 1954, berlaku peristiwa menyayat hati apabila pemimpin ulama Patani, Haji Sulong telah ditemui mati di pantai Songkhla dalam keadaan terikat yang sebelum itu dilaporkan hilang secara misteri bersama-sama rombongannya, Wan Seman Muhammad, Che Ishak Yusof dan Ahmad bin Haji Sulong. Kematian beliau dipercayai telah dirancang oleh pihak kerajaan atas jemputan Kolonel Bunlert Lert Paricha, Ketua Polis *Santiban* (Perisik) ke Songkhla. Peristiwa ini telah menimbulkan kemarahan penduduk Islam di Wilayah Patani. Oleh itu, sejak 1960-an, pelbagai pertubuhan pembebasan telah ditubuhkan bagi memperjuangkan kemerdekaan Patani, seperti Barisan Revolusi Nasional, Barisan Nasional Pembebasan Patani, Patani United Liberation Organisation dan sebagainya. Pada tahun 2002, risalah tuntutan berjihad di Patani telah dikeluarkan oleh seorang guru memperingat generasi muda Melayu Patani tentang tanggungjawab mereka terhadap agama, bangsa dan tanah air. Pergerakan jihad ini telah dapat dikesan oleh pihak Siam. Beberapa orang guru dan pelajar pondok telah ditangkap atas tuduhan sebagai militan yang berakhir dengan tragedi berdarah di masjid tua di Kerisik dan pekan Tak Bai pada tahun 2004.

Dengan tertubuhnya pelbagai pertubuhan yang bercita-cita memperjuangkan kemerdekaan Patani tersebut telah membuatkan kerajaan Thailand bertambah gusar. Maka pelbagai langkah telah diambil bagi menanganinya termasuklah menggunakan peranan orang ketiga bagi mencari jalan penyelesaian konflik yang berlanjutan hingga ke hari ini. Malaysia sebagai sebuah negara jiran yang bersempadan dengan selatan Thailand cuba menghulurkan bantuan dalam pelbagai bentuk bagi memulihkan sosio ekonomi di selatan Thailand dan secara langsung dapat menjamin keselamatan negara Malaysia sendiri (Razak 2010, 2011).

Peranan Kerajaan Malaysia

Reputasi Malaysia sebagai sebuah model negara Islam yang berusaha menerapkan Islam sebagai rujukan pembangunan negara sering mendapat perhatian dari negara-negara jiran. Malaysia, walaupun sebuah negara yang kecil berbanding negara Islam yang lain seperti Arab Saudi, Pakistan dan Mesir, namun ia memainkan peranan yang amat penting dalam memperjuangkan isu-isu keamanan sejagat. Saranan dan juga pandangan yang diutarakan oleh pemimpin negara di arena antarabangsa sering mendapat sambutan baik oleh negara-negara yang mencintai keamanan sejagat (Antang 2006). Pelbagai usaha dan pelaksanaan telah dijalankan dalam membantu mewujudkan keamanan.

Begitu juga dengan konflik yang berpanjangan di selatan Thailand pada ketika ini. Walaupun kerajaan Bangkok berusaha sedaya upaya untuk meleraikan konflik tersebut, namun ia dilihat belum berhasil. Dari hari ke hari pertikaian menjadi semakin rumit akibat dari faktor-faktor luaran dan dalaman yang telah disentuh di atas tadi. Menurut Nik Anuar Nik Mahmud, keprihatinan Malaysia terhadap pergolakan di selatan Thai bukan bererti Malaysia berhasrat untuk campur tangan dalam urusan rumah tangga Thai (Mahmud 2008). Namun apabila dilihat daripada segi geografi, Thailand adalah bersempadan dengan Malaysia di samping terdapat juga mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan antara satu sama lain. Dalam konteks ini, Malaysia perlu mengambil tahu keadaan yang berlaku kerana bimbang sekiranya pergolakan itu tidak dikawal dan ditangani dengan bijak kemungkinan ia akan bertukar menjadi suatu malapetaka yang besar yang turut menjejaskan keselamatan Malaysia. Apabila keadaan telah tidak terkawal maka sudah pasti penduduk-penduduk selatan Thai akan melarikan diri ke Semenanjung Malaysia untuk berlindung dengan membawa segala implikasinya. Oleh kerana rakyat Malaysia mempunyai hubungan kekeluargaan dengan rakyat Thai, sudah pasti mereka berasa simpati apabila saudara seagama ditekan, ditindas dan ditembak dengan kejam. Adalah dibimbangi jika penindasan berlanjutan, ada rakyat Malaysia yang akan menyeberang sempadan untuk berjuang bersama dengan pejuang kemerdekaan bagi membebaskan Patani daripada apa yang dikatakan 'penjajahan Siam' (Mahmud 2008).

Sekiranya keadaan ini berlaku sudah pasti kedua negara akan menghadapi masalah. Hubungan diplomatik Malaysia-Thailand tentu menjadi tegang dan kestabilan serantau akan terjejas. Segala yang diperjuangkan oleh ASEAN untuk menstabil dan membangunkan ekonomi serantau akan terkubur dan Asia Tenggara akan kembali ke era perang dingin. Di atas pertimbangan itu Malaysia perlu mengambil tahu tentang pergolakan yang berlaku di wilayah selatan dan kalau dirasakan perlu, menghulur bantuan bagi membantu kerajaan Thai meredakan keadaan dan mengembalikan wilayah selatan dalam suasana aman dan sentosa. Selagi masalah selatan Thai tidak dapat diselesaikan, maka selama itulah selatan Thai akan dianggap oleh Malaysia sebagai *tumit Achilles*-nya daripada segi keselamatan (Mahmud 2008).

Rundingan Damai Langkawi

Antara peranan yang pernah dimainkan oleh kerajaan Malaysia ialah apabila Tun Mahathir Mohamad menjadi orang tengah dalam Rundingan Damai Langkawi yang berlangsung di Konsulat Diraja Thai Langkawi selama dua hari. Rundingan damai ini antara kerajaan Thailand yang diwakili oleh Pengarah Agensi Perisikan Thai, Jeneral Vaipot Srinual, Shazryl Eskay dengan Puak Pemisah yang diwakili BERSATU (iaitu gabungan Barisan Revolusi Kebangsaan (BRN), Pertubuhan Pembebasan Patani Bersatu (PULO), Barisan Pembebasan Islam Patani (BIPP), dan Gerakan Mujahideen Islam Patani (GMIP). Rundingan damai ini yang dikenali sebagai *Langkawi Peace Talks* yang secara rasminya diadakan pada 26 dan 27 Januari 2006 di Konsulat Diraja Thai Langkawi yang terletak di Pusat Peranginan Tok Senik. Perjanjian ini diadakan ketika pemerintahan Surayud, seorang yang begitu komited dalam usaha mencari perdamaian antara kedua-dua buah wilayah. Sejak itu, rundingan demi rundingan telah dijalankan. Dalam perjanjian tersebut, BERSATU dinasihatkan agar tidak menyentuh isu kemerdekaan sebaliknya hanya boleh meminta kuasa autonomi yang minimal daripada kerajaan pusat. Sehingga pada 14 Februari 2006, Draf Rundingan Damai Fasa 1 telah ditandatangani. Kemudian pada bulan Jun 2006, Bangkok melalui tenteranya telah menyerahkan cadangan balas Pelan Damai dan Pembangunan Bersama Bagi Selatan Thailand (*Joint Peace and Development Plan for Southern Thailand*). Sebagai susulan, beberapa mesyuarat diadakan bagi menyiapkan draf terakhir cadangan pelaksanaan pada Ogos 2006.

Namun setelah berlakunya rampasan kuasa oleh Thaksin, Rundingan Damai Langkawi sedikit terjejas. Ini kerana Thaksin bukanlah seorang yang dilihat ingin meneruskan usaha ke arah perjanjian damai tersebut. Keadaan ini menyebabkan kata putus hasil Rundingan Damai tersebut terus tergendala. Keadaan menjadi bertambah konflik apabila Thaksin sendiri telah mengkhianati kepercayaan puak pemisah yang menawarkan kepada puak pemisah agar menyerah diri kepada kerajaan Bangkok

tanpa dikenakan sebarang tindakan. Namun sebaliknya, mereka telah dibunuh dengan kejam. Tindakan Thaksin itu telah menimbulkan kemarahan daripada kumpulan puak pemisah. Akibatnya usaha perundingan selama ini menghampiri kegagalan.

Perubahan dalam rentak perjuangan antara generasi muda yang lebih bersifat radikal berbanding golongan sedia ada menyulitkan lagi usaha perjanjian tersebut. Sifat radikal ini juga mungkin berpunca daripada pengkhianatan oleh pihak Thaksin yang telah membunuh puak pemisah yang menyerah diri. Kegagalan perjanjian ini juga berpunca apabila puak pemisah yang berada di bawah BERSATU tidak mengiktiraf perwakilan dalam perjanjian tersebut yang sebelum ini sebulat suara untuk menuntut kemerdekaan ke atas selatan Thailand terpaksa mengubah hasrat tersebut setelah dinasihatkan agar tuntutan kemerdekaan tidak diusulkan ketika rundingan itu. Atas alasan itu, ahli puak pemisah yang lain telah menarik diri daripada menyertai perjanjian damai tersebut. Mereka beranggapan bahawa BERSATU telah mengkhianati kepercayaan yang telah diberikan agar menjadi wakil untuk menuntut kemerdekaan bagi wilayah selatan, bukan sekadar sebagai sebuah kerajaan autonomi. Bagi BERSATU pula, punca kegagalan dalam perjanjian ini pula berpunca akibat dari kehilangan pengaruh daripada kalangan kaum muda. Sedikit sebanyak ia telah memberikan kesan kerana puak pemisah tidak diwakili secara keseluruhan yang berada di Selatan Thai terutama daripada kalangan kaum muda.

Task Force Malaysia-Thailand

Kerjasama lain yang cuba dibuat ialah dengan inisiatif membentuk Task Force pada Januari 2007 antara Jeneral Surayud Chulanont dan mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi. Task Force 2010 (Malaysia) telah ditubuhkan bagi menyelaraskan usaha-usaha bantuan kepada kerajaan Thailand dan pada masa yang sama, kerajaan Thailand telah menubuhkan Task Force 960 (Thailand) sebagai agensi penyelarasan untuk memudahkan proses kerjasama antara kedua-dua negara (Mingguan Malaysia, 6 Julai 2008).

Pelaksanaan Task Force 2010 (Malaysia) ini adalah lebih menitikberatkan diplomasi dengan memberi pendidikan kepada komuniti Melayu Islam di selatan Thailand supaya mencintai dan mengekalkan keamanan. Program berbentuk pendidikan seperti program lawatan sambil belajar untuk imam, guru agama serta ketua-ketua kampung dari selatan Thailand dapat mendedahkan mereka kepada unsur-unsur pembangunan dan kemaslahatan yang dapat dilihat di Kuala Lumpur bagi menyemai kesedaran betapa pentingnya keamanan diwujudkan di wilayah mereka. Pada masa yang sama juga, mereka turut didedahkan kepada skop pembelajaran di sekolah-sekolah agama supaya sentiasa mengimbangi ilmu-ilmu akademik dan

agama supaya dapat mendidik mereka untuk bersikap sederhana dan pada masa yang sama dapat mencegah unsur-unsur melampau.

Antara program di bawah Task Force 2010 ialah, pada Disember 2007, seramai 15 orang belia dari selatan Thailand telah berjaya menamatkan Program Latihan Kemahiran Giat Mara sesi kedua di beberapa buah Giat Mara berhampiran sempadan Thailand-Malaysia hasil jalinan kerjasama antara pihak Thailand dengan kedutaan Malaysia dan pejabat wakil konsul Malaysia di Songkhla. Program ini merangkumi kursus Fabrikasi Logam, Membuat Perabot, Teknologi Bangunan dan Membuat Pakaian. Antara pusat Giat Mara yang terlibat terletak di Padang Besar, Perlis; Jitra, Kedah; Pasir Putih dan Tumpat, Kelantan (Utusan Malaysia, 26 Disember 2007). Manakala pada 31 Ogos 2008, kerajaan Malaysia buat julung-julung kalinya memperkenalkan Program Latihan Pembantu Jururawat di Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP) dengan melatih 40 beliawanis dari selatan Thailand. Pendidikan mereka ini dibiayai sepenuhnya oleh Task Force Malaysia sepanjang menjalani latihan selama setahun (Utusan Malaysia, 31 Ogos 2008). Bagi pelajar-pelajar miskin dari Selatan Thailand yang belajar di Malaysia, mereka telah dibantu melalui penubuhan Yayasan Kebajikan dan Pendidikan untuk Selatan Thailand (Yayasan Sutera) oleh kerajaan Malaysia (Utusan Malaysia, 13 November 2007).

KESIMPULAN

Konflik bukanlah suatu perkara yang boleh dibiarkan berterusan, ia perlu dihentikan dengan pelbagai pendekatan yang munasabah. Bagi mencari jalan penyelesaian yang jelas mengenai konflik di selatan Thailand itu, pihak kerajaan Thai perlu bijak menanganinya dengan mempertimbangkan tuntutan yang diajukan dan seterusnya bersama-sama membangunkan negara dalam keseluruhan aspek kehidupan. Bantuan pendidikan, alat-alat pembelajaran, permodalan, peluang-peluang pekerjaan dan sebagainya perlu disalurkan kepada masyarakat selatan Thai. Selain itu, pendedahan kepada unsur-unsur pembangunan dan keamanan juga perlu diberikan dari semasa ke semasa bagi menyemai kesedaran betapa pentingnya keamanan diwujudkan di wilayah mereka. Di samping itu, kerjasama dengan Malaysia melalui pelbagai perjanjian seperti Perjanjian sempadan, perjanjian Jawatankuasa Pengurusan Sempadan dan peranan agensi-agensi keselamatan antara kedua-dua negara, serta penubuhan Task Force 2010 (Malaysia) dan Task Force 960 (Thailand) telah membuktikan kesungguhan di antara kedua-dua negara untuk mencari penyelesaian dalam konflik di selatan Thailand. Kerjasama-kerjasama strategik perlu diteruskan untuk mewujudkan keamanan di wilayah bergolak tersebut yang natijahnya akan mewujudkan rantau Asia Tenggara yang aman dan stabil.

RUJUKAN

- Antang, S. M. 2006. Malaysia dan Keamanan Sejagat. *Majalah Visi*, bil. 67, Julai 2006, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Chapakia, A. O. 2000. *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*. Alor Star: Pustaka Darussalam Sdn. Bhd.
- Christie, C. J. 1996. *A Modern History of Southeast Asia: Decolonization, Nationalism and Separatism*. I.B Tiuris. London: New York.
- Ghazali, A. Z.. 2008. Konflik politik di Selatan Thailan 1900-1954: Satu perspektif sejarah. Dlm. Abdullah Zakari Ghazali & Zulkarnain Abdul Rahman (pnyt.). *Konflik Dunia Abad Ke-20*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar, M. Z. 2009. *Pengurusan Konflik Melayu-Islam di Wilayah Selatan Thailand, Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik*, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Mahmud, N. A. N. 1999. *Sejarah Perjuangan Melayu Pattani 1785-1954*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmud, N. A. N. 2008. *The Malays of Patani: The Search for Security and Independence*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Man, W. K. C. 2008a. Perjuangan pembebasan Melayu Islam Patani menjelang Abad ke-21. Dlm. Farid Mat Zain & Zulkarnain Mohamed (pnyt.). *Muslim Selatan Thai: Konflik dan Perjuangan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Man, W. K. C. 2008b. Melayu Muslim Selatan Thai. Dlm. Farid Mat Zain & Zulkarnain Mohamed (pnyt.). *Muslim Selatan Thai: Konflik dan Perjuangan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Mokarapong, T. 1972. *History of the Thai Revolution*. Bangkok: Chalermnit Press.
- Razak, N. D. 2010/2011. *Sempadan negara Malaysia*, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, dalam <http://www.google.com.my/url?sa=t&rct=j&q=isu%20sempadan%20thailandmalaysia> [11 November 2014].
- Thompsons, V. & Aldoff, R. 1970. *Minority Problems in Southeast Asia*. New York/Russel & Russel: t.pt.
- Utusan Malaysia, 13 November 2007. Sumbangan diperlu bantu SUTERA. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1113&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_06.htm&arc=hive [11 Oktober 2015].

Utusan Malaysia, 26 Disember 2007. 15 Belia Selatan Thailand tamat kursus Giat Mara, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1227&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm&arc=hive [9 Oktober 2015].

Zain, F. M. 2008. Konflik di Selatan Thai: Antara cita-cita agama dan angkara konfirasi. Dlm. Farid Mat Zain & Zulkarnain Mohamed (pnyt.). *Muslim Selatan Thai: Konflik dan Perjuangan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.

